



**UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM**

**MAKLUMAT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI MELALUI  
AKHBAR UNTUK BULAN MAC 2018**

BIL.	NO. RUJUKAN	TARIKH	JENIS AKHBAR	JENIS ARTIKEL	TAJUK
1.	003-2018/001	29.03.2018	Sinar Harian	Info MBIP	Tiada Bendera rosak, usang dikibar

**RINGKASAN LAPORAN UNTUK BULAN MAC 2018:**

JENIS ARTIKEL	JUMLAH
ADUAN	0
INFO MBIP	1
INFO PBT	0
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>



## MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar : 003-2018/001  
Tarikh : 29.03.2018 (Khamis)  
Jenis Akhbar : Sinar Harian  
Jenis Artikel : Info MBIP  
Tajuk Artikel : 'Tiada bendera rosak, usang dikibar'

# 'Tiada bendera rosak, usang dikibar'

*Orang ramai perlu ambil serius etika, protokol kibar bendera di Johor*


SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU

**M**ajlis Bandar Raya Iskandar Puteri (MBIP) menyarankan semua pihak termasuk orang ramai ambil serius etika dan protokol pengibaran bendera di negeri ini.

Datuk Bandar MBIP, Adib Azhari Daud berkata, ia selaras dengan titah Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang mahu setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai perkara itu.

Menurutnya, perkara itu juga adalah bagi memastikan masyarakat khususnya



Masyarakat diminta peka pada etika dan protokol kibar bendera.

di bandar raya ini mempunyai sikap prihatin serta peka terhadap sensitiviti perkara itu.

"Sultan Ibrahim telah bertitah mahu PBT negeri ini membimbing serta memberi kefahaman mengenai protokol dan etika pengibaran bendera terhadap semua pihak termasuk orang awam secara keseluruhannya.

"Kekemasan juga perlu diberi perhatian dan dipastikan tiada bendera yang koyak atau usang masih dikibarkan," katanya.

Adib berkata, selain da-



ADIB AZHARI

dilupuskan dengan cara yang betul.

"Sehubungan itu, MBIP akan melakukan pelbagai usaha dalam menghebahkan protokol pengibaran bendera sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Am Kerajaan Johor Bilangan 2 Tahun 2018," katanya.

Jelasnya, perkara itu juga akan digunakan sebagai garis panduan kepada jabatan kerajaan, agensi dan orang ramai berhubung protokol dan susunan sebenar pengibaran bendera di negeri ini.

**info** ● Bendera yang rosak atau koyak harus dilupus dengan betul

ripada kekemasan dan protokol pengibaran bendera dipelihara, proses melupuskan barangan terbabit juga harus dilakukan dengan cara sistematik.

"Untuk bendera yang telah rosak atau koyak pula, ia tidak boleh dibuang secara sesuka hati. Bendera harus

